

09/04/2003

Elakkan bibit perpecahan dalam Umno

NASIHAT Pemangku Perdana Menteri agar usul siapa bakal Timbalan Perdana Menteri (TPM) tidak dikemukakan dalam mesyuarat agung bahagian Umno patut dipatuhi semua yang terbabit. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menekankan sebagaimana dinyatakan sebelum ini, beliau sendiri akan mengumumkan siapa menjadi TPM sekali gus pemangku Timbalan Presiden dalam Umno apabila tiba masanya. Perkara ini dibangkitkan berikutan keputusan Umno bahagian Chenderoh menyokong Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Presiden Umno sekali gus TPM, Oktober ini. Sepatutnya bahagian tidak perlu menjadikan perkara itu satu isu kerana jika ini dibiarkan ia mungkin mencetuskan perebutan yang tidak sihat apabila lebih daripada seorang pemimpin dicalonkan. Selanjutnya ini dikhuatiri boleh menimbulkan kegiatan lobi melobi hingga melahirkan bibit-bibit perpecahan yang akhirnya menggugat perpaduan dan keutuhan Umno.

Sebagaimana mengikut tradisi Perdana Menteri mempunyai hak untuk melantik timbalan beliau dalam kerajaan dan hendaknya tidak ada bahagian cuba mempengaruhi Pak Lah dalam membuat penentuan itu. Tentunya Pak Lah menimbangkan pelbagai perkara dalam memilih calon paling layak. Perlu diingat bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih oleh Allahyarham Tun Hussein Onn sebagai TPM sebelum direstui menjadi Timbalan Presiden Umno di Perhimpunan Agung Umno. Hendaknya kegiatan yang boleh menjejaskan keutuhan parti di peringkat bahagian dihentikan demi kepentingan perpaduan Umno keseluruhannya.